

Mahasiswa dan adab menuntut ilmu

Ke arah keberkatan ilmu dan kehidupan sebagai seorang pelajar



DARI KAMPUS

08.12.2019 15
SESI pengajian 2019/2020 di Universiti Malaysia Sabah khasnya dan Universiti Awam yang lainnya bakal dimulakan kurang lebih seminggu daripada sekarang. Keputusan peperiksaan semester lepas telah diperolehi dan pastinya sesiapa yang berusaha keras akan menuai hasilnya dengan baik manakala bagi yang mendapat keputusan yang kurang baik, jangan pernah berputus asa kerana pintu dan ruang untuk memperbaiki diri pasti sahaja terbuka asal saja kita berusaha bersungguh-sungguh di dalam menuntut ilmu.

Ini selaras dengan ayat Al-Qurandi dalam Surah Ar-Rad, Ayat 11 "Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib suatu kaum kecuali kaum itu sendiri yang mengubah apa-apa yang pada diri mereka".

Bercakap mengenai kesungguhan dalam menuntut ilmu, satu perkara yang perlu dipegang oleh adik-adik siswa/i adalah berkenaan dengan adab menuntut ilmu.

Apabila sesuatu ilmu dipelajari dengan penuh adab dalam usaha meraih keberkatannya sehingga ia bukan sahaja mampu menguasai ilmu itu dengan baik malah sentiasa bersifat merendah diri di khalayak ramai dan mengunnakannya sesuai pada tempat dan ketikanya dengan penuh hikmah.

Tambahan pula, individu yang menjaga adab di dalam menuntut ilmu akan menunjukkan akhlak yang baik dan sifat tawaduk yang tinggi seperti mana yang ditunjukkan oleh Imam As-Shafie yang berkata: "Setiap kali aku menuntut ilmu aku merasa semakin tidak tahu".

Apabila adab menuntut ilmu dijaga dengan baik



TAMAT PENGAJIAN: Setelah berusaha pastilah mencapai tangga kejayaan.

maka ia akan menampilkan kesungguhan individu dalam menuntut ilmu kerana kedua-duanya tidak mungkin dapat dipisahkan seperti yang diajarkan oleh Imam Malik RA "Pelajarilah adab sebelum mempelajari sesuatu ilmu."

Terdapat beberapa adab yang perlu dititikberatkan oleh adik-adik siswa/i di dalam menuntut ilmu seterusnya ia mampu meraih keberkatan daripadanya.

Pertama; niat menuntut ilmu. Setiap pekerjaan atau aktiviti pastinya ada niat di sebaliknya termasuklah di dalam menuntut ilmu. Berdasarkan Hadis Riwayat Bukhari, Nabi Muhammad SAW bersabda, "Sesungguhnya amal itu tergantung niat, dan seseorang hanya mendapatkan sesuai yang ia niatkan." Sekiranya niat menuntut ilmu itu adalah betul dan baik maka ia akan memberikan natijah atau kesudahan yang baik bagi si penuntut ilmu dan begitu juga sebaliknya hingga akhirnya keberkatan ilmu itu hilang dan usaha mencari atau menuntut ilmu itu sia-sia.

Di samping adik-adik siswa/i yang berniat menuntut ilmu bagi tujuan memperbaiki diri dan mendapat keputusan peperiksaan yang baik, niat itu juga perlu disandarkan bagi menyampaikan ilmu kepada rakan-rakan lain yang kurang memahami ilmu berkenaan.

Melalui sesi perbincangan dan latihan di dalam bilik tutorial, perpustakaan, fakulti atau di kolej kediaman serta lain-lain lagi bukan sahaja dapat membantu rakan yang lemah atau tidak memahami pelajaran dan memahaminya malah seterusnya ia mampu mengukuhkan ingatan serta kefahaman yang baik kepada adik-adik siswa/i yang sedang di dalam proses menuntut ilmu.

Kedua; menjaga hubungan yang baik dengan Pencipta dan sesama makhluk. Terdapat beberapa bentuk hubungan yang perlu dititikberatkan oleh adik-adik siswa/i di dalam usaha menuntut ilmu. Antaranya termasuklah menjaga hubungan dengan Pencipta kita.

Menjaga hubungan dengan Pencipta kita amat penting di dalam usaha mendapat keberkatan dan ketenangan di dalam usaha mencari ilmu. Melaksanakan apa yang diajarkan di dalam agama dan menjauhi segala perkara yang kurang baik merupakan antara pendekatan yang sesuai di dalam menjaga hubungan di antara kita dengan Pencipta.

Di samping itu, hubungan sesama manusia perlu dijaga bagi mendapat keberkatan di dalam kehidupan dan menuntut ilmu antaranya termasuklah kedua ibu-bapa, guru atau pensyarah, rakan taulan dan ahli keluarga.

Ibu bapa merupakan kedua orang tua kita yang telah melahirkan kita seterusnya membesarkan dan mendidik kita. Oleh itu, hubungan kepada kedua orang tua juga perlu dijaga dengan baik dalam memastikan perjalanan hidup kita dipermudahkan termasuklah di dalam usaha menuntut ilmu.

Antara perkara yang boleh dilakukan adalah sentiasa berkata perkara baik dengan mereka, merendahkan suara ketika berbicara dengan mereka, mendoakan mereka dan lain-lain lagi. Jika ia dapat dipraktikkan di dalam kehidupan seharian kita ia akan membantu adik-adik siswa/i di dalam proses menuntut ilmu seterusnya memperoleh keberkatan darinya.

Hubungan yang baik kepada guru-guru dan pensyarah kita juga amat penting dalam memastikan usaha menuntut ilmu itu mendapat keberkatannya. Suatu masa dahulu, di peringkat sekolah rendah dan menengah kita telah diajar dan dididik oleh guru-guru.

Apabila kita melanjutkan pengajian ke peringkat universiti, pensyarahlah merupakan insan mulia yang akan mengajar dan mendidik adik-adik siswa/i semua dan atas sebab itu hubungan baik dengan pensyarah hendaklah dijaga bagi memastikan ilmu yang dipelajari mudah

difahami dan mendapat keberkatannya.

Perkara-perkara seperti berterget sapa kepada pensyarah ketika bertemu mereka, sentiasa hadir awal di dalam kuliah atau tutorial dan mengambil inisiatif untuk duduk di hadapan sepanjang sesi pembelajaran, sentiasa bertanyakan soalan jika kurang memahami sesuatu yang sedang dibincangkan atau diajarkan, tidak membuat bisik di dalam kuliah atau bilik tutorial serta lain-lain lagi merupakan amalan yang baik untuk diamalkan dalam proses menuntut ilmu.

Hubungan dengan rakan-rakan serta ahli keluarga juga perlu dipelihara dan sekiranya ada kesalahan dan kesilapan yang dilakukan maka sebaik-baiknya adik-adik siswa/i mohonlah kemaafan daripada mereka bagi memastikan proses kehidupan kita berjalan lancar dan tenang seterusnya memperoleh kejayaan di dalam menuntut ilmu.


Hubungan yang baik antara seorang pelajar dan pensyarah bukan sekadar berakhir apabila berakhirnya satu semester pengajian atau subjek yang dipelajari tetapi ia seharusnya dikekalkan walau pensyarah berkenaan tidak lagi mengajar adik-adik siswa/i di masa akan datang.

Sekiranya kesemua hubungan ini dijaga dengan baik maka proses menuntut ilmu akan menjadi mudah dan senang dipelajari seterusnya disampaikan kepada rakan-rakan lain dan akhirnya keberkatan ilmu itu dapat diperolehi.

Ketiga; berdoa kepada Pencipta dipermudahkan segala urusan di dalam menuntut ilmu. Di dalam usaha menuntut ilmu, adik-adik siswa/i juga perlulah sentiasa berdoa kepada Pencipta supaya dipermudahkan segala urusan di dalam menuntut ilmu dan dikurniakan dengan ilmu yang bermanfaat serta dijauhkan dari segala ilmu yang kurang bermanfaat.

Daripada Jabir R.A, Nabi Muhammad SAW bersabda maksudnya: "Mohonlah kamu semua kepada Allah akan ilmu yang bermanfaat dan berlindunglah dengan Allah daripada ilmu yang tidak bermanfaat." - Riwayat Ibnu Majah (3843).

Keempat; memenuhi masa dengan aktiviti yang



TUAI KEJAYAAN: Berjaya bersama segulung ijazah.



BERBINCANG: Proses muzakah secara berterusan dilihat sebagai suatu usaha penambahbaikan dalam proses menuntut ilmu melalui suasana perbincangan secara berhemah.

bermanfaat. Di dalam proses menuntut ilmu, penuhilah masa adik-adik siswa/i dengan kegiatan yang sihat dan bermanfaat. Proses menuntut ilmu tidak hanya berlaku di dalam bilik kuliah atau tutorial sahaja, malah ia boleh dipanjangkan di luar dari ruang lingkup kawasan berkenaan.

Perpustakaan, fakulti, tempat ibadat, kolej kediaman juga boleh dijadikan tempat bagi menambah ilmu di dada dari masa ke semasa. Kisah Imam Abu Hatim dan anaknya, Imam Abdurrahman di kurun ketiga hijrah merupakan imam besar di dalam ilmu hadis menjadi contoh yang baik di dalam usaha memanfaatkan masa dengan aktiviti bermanfaat di dalam proses menuntut ilmu. Apabila beliau ditanya mengapa Imam Abdurrahman itu bijak dan alim beliau menjelaskan yang anaknya itu akan memenuhi masanya di segenap tempat dengan membaca dan menuntut ilmu.

Keperluan menghargai masa dan mengisinya dengan aktiviti bermanfaat dan memberi faedah adalah dijelaskan di dalam Al-Quran Surah Al-Asr, Ayat 1-3, Maksudnya: "Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian - Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar."

Kelima; mengamalkan amalan bermuzakah secara berkala. Muzakah merupakan suatu proses perbincangan dan saling ingat mengingati serta mencari jalan terbaik demi kebaikan bersama. Ia juga dilihat sebagai satu proses penyatuan di kala berlaku perbezaan pandangan dan pendapat di dalam sesuatu ilmu atau perkara.

Melaluinya juga, ia akan mengembangkan ilmu yang dibincangkan dan memperbaiki proses

menuntut ilmu dari masa ke semasa. Kehebatan di dalam amalan bermuzakah ini juga telah banyak menarik minat para sahabat seperti Saiyidina Ali serta para ulama terkemuka seperti Alqamah dan lain-lain lagi.

Oleh itu, proses muzakah ini sangat digalakkan dalam kalangan adik-adik siswa/i di dalam proses menuntut ilmu supaya proses pengembangan ilmu dapat berlaku dan memberi manfaat kepada semua pihak.

Hari ini muzakah tidak semestinya berlaku di dalam sesebuah majlis ilmu yang bersifat formal tetapi juga ia dapat dilakukan di dalam suasana konteks tidak formal asal sahaja ianya dapat dijalankan dalam satu suasana perbincangan dan berhikmah.

Sesungguhnya adab menuntut ilmu itu perlu ditekankan oleh adik-adik siswa/i bagi memastikan keberkatannya mengalir di dalam kehidupan seharian kita. Adab-adab yang disampaikan di atas merupakan sebahagian adab yang boleh dilakukan di dalam usaha menuntut ilmu khususnya di peringkat universiti.

Terdapat banyak lagi adab yang boleh diamalkan dan sudah pasti kesemuanya akan memberikan kesan dan hasil yang baik iaitu ke arah keberkatan ilmu dan kehidupan sebagai seorang pelajar.

Selamat kembali ke universiti dan selamat memulakan pengajian buat semua. Sama-sama kita usahakan untuk beradab di dalam menuntut ilmu dan semoga kejayaan dan kebaikan akan sentiasa bersama dengan adik-adik siswa/i semuanya.

— Artikel sumbangan Pengetua Kediaman Eeopark/Pensyarah Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah Wijaya Kamal Ramlan.



HUBUNGAN DENGAN ORANG TUA: Hubungan kepada kedua orang tua sangat penting sebagai seorang mahasiswa bukan sahaja antara amalan penting dalam adab menuntut ilmu tetapi juga kebahagiaan dan kesejahteraan hidup.



PENAMBAHBAIKAN: Muzakah secara berterusan penting.



JAGA HUBUNGAN: Sentiasa menjaga hubungan baik dengan pensyarah juga sangat penting dan sebahagian daripada adab menuntut ilmu.